

Bidang pertanian jana pendapatan lumayan

» **UPM tawarkan tiga kursus** di bawah Fakulti Sains Pertanian sebagai nilai tambah kepada bakal graduan.

Oleh Khairunnisa
Kamarudin
nisa.kamarudin@
bh.com.my

Jika sebelum ini anda didedahkan dengan program ijazah sarjana muda Sains Pertanian dan Sains Hortikultur, minggu ini kita memfokuskan lebih mendalam mengenai Sains Perniagaan Tani, Sains Penternakan dan Pertanian Akuakultur.

Memandangkan banyak peluang pekerjaan dalam bidang pertanian ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan tiga kursus berkenaan di bawah Fakulti Sains Pertanian bagi memberi nilai tambah kepada bakal graduan.

Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, tiga kursus ini memberikan pendedahan kepada mahasiswa mengenai hasil pertanian yang boleh dijadikan sumber pendapatan yang lumayan.

Ketamtu, mungkin ramai



Industri air tawar dan marin turut menggunakan teknologi terkini.

Katanya, mungkin ramai berpendapat bidang ini tidak menjanjikan pendapatan lumayan dan hanya akan bekerja di kampung mengusahakan tanaman dan ternakan tetapi sebenarnya ia adalah satu tanggapan yang salah.

"Sebenarnya banyak bidang yang boleh diceburi oleh graduan dalam kursus ini apabila tamat pengajian kerana mereka

bukan saja belajar mengenai asas pertanian tetapi juga diberikan bimbingan selepas tamat pengajian melalui bengkel keusahawan dan pemasaran produk pertanian.

"Ini merupakan antara kelebihan kursus ini terutamanya Sains Perniagaan Tani yang memberi pendedahan mendalam mengenai isu perniagaan tani dan amalan penguru-

san terkini selain turut didedahkan dengan pengetahuan sains dan teknologi makanan serta pertanian.

Selain itu, bagi Program Bachelor Pertanian (Sains Ternakan) pula diwujudkan bagi memberi pengetahuan terkini dalam bidang ini menggunakan teknologi dalam menghasilkan ternakan yang lebih berkualiti sekali gus melahirkan generasi yang mampu membekalkan hasil kepada negara.



Menternak ikan dalam sangkar mampu memberi pendapatan lumayan.



KURSUS SAINS AKUAKULTUR PULA DIKHASKAN MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI AIR TAWAR DAN MARIN YANG JUGA ADALAH SEKTOR PERTANIAN YANG PALING PESAT MEMBANGUN"

Prof Dr Abdul Shukor Juraimi



Industri air tawar dan marin merupakan sektor yang pesat membangun.

Katanya, masih ramai yang tidak sedar, kebanyakannya ternakan untuk hasil tenusu dan daging terpaksa diimport dari luar negara kerana kekurangan bekalan.

"Kami menggalakkan lebih ramai pelajar lepasan SPM yang berkelayakan untuk mengambil kursus ini kerana ia memberikan kelebihan dari segi kebolehan pasaran kerana mempunyai pelbagai kemahiran bukan saja spesifik dalam bidang penternakan dan pertanian tetapi juga

keusahawan serta pemasaran.

"Kursus Sains Akuakultur pula dikhaskan memenuhi keperluan industri air tawar dan marin yang juga adalah sektor pertanian yang paling pesat membangun," katanya.

Bagi mereka yang berminalat dengan tiga program yang ditawarkan ini, peluang kerjaya meluas menanti mereka apatah lagi negara sedang menggalakkan pembabitan golongan muda dalam bidang pertanian.